

Honda Motor tambah pelaburan RM374j :

UM 29 NOV 2002

PEGOH 28 Nov. — Honda Motor Co., pengeluar kereta kedua terbesar Jepun akan meluaskan kehadirannya di Malaysia dengan melabur RM374 juta lagi dalam operasi pembuatan kereta Honda di Malaysia menjelang 2005.

Syarikat itu sudahpun melabur lebih RM180 juta di kilang pengeluaranannya seluas 80 hektar di Melaka yang akan dibuka secara rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 17 Januari ini.

Pengarah Urusan Honda Malaysia, Seiji Kuraishi berkata, kilang itu mempunyai keupayaan pengeluaran 20,000 unit kendera-

an setahun dan akan memulakan pengeluaran secara besar-besaran bermula pertengahan bulan depan.

Beliau berkata, peluasan operasi di Malaysia adalah sebahagian daripada persediaan kepada pembukaan pasaran pada 2005 di bawah Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA).

Menurutnya, di sebalik pasaran besar kereta penumpang di Malaysia yang melebihi 400,000 unit, penguasaan pasaran syarikat itu masih rendah iaitu hanya 6,500 unit tetapi jualan dijangka meningkat kepada lebih 10,000 unit tahun depan melalui pengenalan model-model baru.

“Kita sudah melabur RM180 juta setakat ini tetapi kita komited untuk melabur RM374 juta lagi menjelang 2005 untuk peluasan kilang dan pelaburan dalam model-model baru serta peralatan yang berkaitan,” katanya kepada para pemberita selepas lawatan ke kilang berkenaan di sini hari ini.

Kilang berkenaan akan mula mengeluarkan CRV pacuan empat roda manakala model Accord, Citi, dan Civic yang ketika ini dipasang melalui kerjasama dengan Oriental Holdings di selatan Johor akan diperkenalkan secara berperingkat-peringkat.

“Di bawah rancangan semasa,

kontrak pemasangan dengan Oriental akan tamat pada akhir tahun depan,” katanya.

Beliau berkata, kilang di Malaysia itu akan mengeluarkan kereta untuk pasaran domestik dengan rancangan untuk mengeksport dengan peluasan keupayaan pengeluaran kepada 40,000 unit setahun.

Kilang pengeluaran di Malaysia itu merupakan kilang ketiga Honda di Asia Tenggara selepas Thailand dan Filipina.

Ia turut merancang untuk membuka sebuah lagi kilang pengeluaran di Indonesia menjelang Mac tahun depan.